Peperiksaan SPM hari pertama berjalan lancar

Disember 2, 2024 @ 3:08pm

KUALA LUMPUR: Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bermula hari ini dengan Ujian Bertutur Bahasa Melayu berjalan dengan baik termasuk di negeri yang dilanda banjir, dengan perancangan serta koordinasi baik antara kementerian dan agensi bagi memastikan tiada keciciran dalam peperiksaan itu.

Semalam, Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek menegaskan Ujian Bertutur Bahasa Melayu yang dijadualkan bermula hari ini hingga 5 Disember diteruskan, termasuk di sembilan negeri yang dilanda banjir dengan berpandukan prosedur operasi standard (SOP) Ops Payung.

Di TERENGGANU, banjir yang masih berlarutan di negeri itu tidak merencatkan perjalanan Ujian Bertutur Bahasa Melayu yang membabitkan 261 pelajar terkesan banjir, dengan kesemua pelajar telah dibawa daripada pusat pemindahan sementara (PPS) ke pusat peperiksaan alternatif.

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) Jelani Sulong berkata proses membawa pelajar terbabit bermula seawal 6 pagi tadi dengan bantuan pelbagai agensi keselamatan termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

"Perjalanan berjalan lancar mengikut prosedur Ops Payung yang dilaksanakan JPNT. Seramai 261 pelajar yang berada di PPS selamat tiba di pusat peperiksaan alternatif pagi ini.

"Ada pelajar yang berpakaian sekolah, baju sukan dan pakaian biasa yang sopan. Apa juga pakaian, mereka tetap ceria dan tampak bersemangat untuk menduduki peperiksaan," katanya yang turut melakukan tinjauan di pusat peperiksaan alternatif, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Mizan, Kuala Nerus pagi tadi.

Jelani berkata sebanyak 18,907 calon SPM termasuk 1,734 calon yang terkesan banjir akan menduduki peperiksaan SPM tahun ini.

Di KELANTAN, seramai 144 calon SPM di SMK Kuala Krai hadir menjalani peperiksaan meskipun kawasan mereka terjejas akibat banjir.

Sebelum ini, pihak sekolah telah memaklumkan kepada ibu bapa supaya semua calon SPM ditempatkan di asrama sekolah berkenaan kerana bimbang perkara tidak diingini berlaku semasa banjir melanda.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan turut membantu melancarkan perjalanan peperiksaan seperti di Tumpat, dengan membawa 37 guru mengambil kertas soalan peperiksaan di bilik kebal Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tumpat menaiki lori bomba, susulan beberapa laluan ke sekolah terbabit dilimpahi air dan tidak boleh dilalui kenderaan ringan.

Di NEGERI SEMBILAN, Pemangku Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Putra Hashim berkata kesemua calon hari ini tidak menghadapi sebarang masalah susulan bencana banjir, dengan 28 calon sebelum ini yang ditempatkan di PPS telah pulang ke rumah setelah keadaan pulih di kawasan mereka.

"Jadi secara keseluruhannya ia berjalan lancar, tiada yang terjejas," katanya dan menambah seramai 16,125 calon menduduki UBBM di negeri ini terdiri daripada calon sekolah daripada KPM, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), persendirian dan swasta.

Peperiksaan SPM 2024 yang bermula hari ini hingga 6 Februari 2025 membabitkan 402,956 calon dan membabitkan 3,337 pusat peperiksaan di seluruh negara.

- BERNAMA



Calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 membuat persiapan terakhir dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Chabang Empat untuk Ujian bertutur Bahasa Melayu hari ini. foto NSTP/Nik Abdullah Nik Omar.